

3,000 huni flat usang

Penduduk Flat Taman Kem sudah lama hidup tidak selesa

NOR AZHAN GHAZALI

KLANG - Flat Taman Kem, Pelabuhan Klang bukan sahaja kelihatan usang bahkan tidak memberi keselesaan langsung kepada hampir 3,000 penghuni di lima blok berkenaan.

Bayangkan hampir keseluruhan blok di Flat Taman Kem itu begitu daif dengan bumbung yang rosak termasuk dihantui masalah kebersihan dan sampah.

Penduduk, Hisham Md Kassim, 42 berkata, selama lapan tahun tinggal di situ, bumbung berkenaan tidak pernah dibaik pulih.

"Banyak pemimpin politik yang datang melawat namun tiada tindakan susulan dilakukan mereka.

"Penduduk pernah mengadu masalah ini kepada wakil rakyat kawasan namun tiada tindakan dilakukan," dakwanya.

Menurutnya, lebih menyedihkan penduduk yang tinggal di tingkat paling atas terpaksa mengeluarkan modal sendiri untuk membaiki bumbung yang rosak.

"Jika tak baik, air memasuki kediaman bila waktu hujan hingga memberikan ketidakselesaan kepada penghuni.

"Kita di sini juga berdepan ancaman kesihatan, kawasan ini kotor serta longkang yang tersumbat hingga menjadi tempat pembiakan nyamuk," katanya yang menyewa di situ sejak lapan tahun lalu.

Serpihan bumbung melayang

Abdul Rahim Hussin, 63, yang tinggal di flat itu sejak 30 tahun lalu berharap pihak terlibat dapat membaiki pulih kerosakan-kerosakan di flat itu demi memberi keselesaan kepada seluruh penghuni.

"Sekarang memang tak selesa, nak tak nak kita terpaksa ha-

dap semua masalah ini kerana hanya kediaman ini yang kami ada.

"Saya harap pihak atasan lebih peka dengan masalah rakyat yang masih hidup dalam keadaan ini," katanya.

Menurutnya lagi, kemudahan di surau juga perlu diberi perhatian kerana peralatan seperti karpet dan penghawa dingin yang kurang berfungsi memberi ketidakselesaan kepada para jemaah untuk solat dan mengadakan pelbagai aktiviti kerohanian.

Sementara itu, Tun Suzanna Mohd Zainin, 36, yang tinggal di



ABDUL RAHIM

blok A berkata, baru beberapa hari lepas serpihan bumbung yang rosak nyaris menimpanya dan ahli keluarga lain.

"Memang kami tergamam nasib baik kami tak ada apa-apa kerana sempat mengelak.

"Melalui pengumuman KPKT ini, ia amat melegakan saya dan pen-

duduk di sini yang sekian lama berharap pembaikan dapat dilakukan," katanya.

Tambahnya, penduduk hanya mahukan keselesaan seperti mana orang lain yang hidup dalam kemudahan yang serba lengkap.



Melalui pengumuman KPKT ini, ia amat melegakan saya dan penduduk di sini yang sekian lama berharap pembaikan dapat dilakukan."

Tun Suzanna

KPKT lulus peruntukan RM5 juta baik pulih flat

SEMENTARA itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) meluluskan dana berjumlah RM5 juta untuk kerja-kerja membaiki pulih bumbung di lima blok Flat Taman Kem, Pelabuhan Klang yang berusia lebih 30 tahun itu.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, melalui peruntukan itu, kerja-kerja mengecat semula flat, membuat raling dan kemudahan lain akan turut dilakukan.

"Pada masa sama, peruntukan RM500,000 turut diluluskan untuk pembinaan padang futsal dan dewan serbaguna untuk kemudahan penduduk beriadah dan menjalankan aktiviti.

"Memandangkan surau juga usang peruntukan RM60,000 turut akan diberikan bagi memberi keselesaan kepada para jemaah menunaikan solat dan mengadakan aktiviti keagamaan," katanya kepada pemberita ketika turun padang melawat flat itu, petang kelmarin.

Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Klang, Datuk Nasaruddin M Zin.

Dalam pada itu, Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang berkata, kerja-kerja membaiki pulih itu dijangka di-



Noh sedang melihat bumbung flat yang reput. Turut kelihatan, Nassaruddin (kanan).

lakukan hujung tahun ini.

"Bagaimanapun berhubung padang futsal dan dewan, saya amat berharap kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran Klang (MPK) dapat memberikan kerjasama kepada kita untuk menggunakan tapak yang ada.

"Jika mereka benarkan saya yakin segala kemudahan untuk penduduk di sini dapat dilaksanakan dengan lancar," katanya.

Ketika lawatan itu, Noh turut melahirkan rasa sebak ketika meninjau persekitaran di lima blok flat berkenaan yang dibelenggu masalah bumbung dan tangki rosak, sampah, nyamuk, tikus dan sebagainya.

"Saya tak dapat bayangkan bagaimana kehidupan mereka di sini,

meleleh air mata saya menyaksikan kemudahan di sini yang sangat uzur dan daif.

"Apa yang saya lakukan ini untuk bentuk riyak di sini demi melihat kehidupan mereka lebih sejahtera," katanya.

Tambahnya, kementeriannya turut meluluskan RM3 juta untuk kerja baik pulih lif dan bumbung di flat Telok Gedong Indah dan pangsa-puri Pendamar, Taman Kota Pendamar Indah di blok 7A dan 7B.

"Kedua-dua flat itu juga dihelenggu masalah bampir sama. Kesemua kerja itu dijangka dibuat dalam masa terdekat," katanya.



Keadaan bumbung di rumah Tun Suzanna yang runtuh beberapa hari lalu hingga nyaris menimpanya dan keluarga.



Flat Taman Kem yang berusia lebih 30 tahun ini kelihatan usang dan memerlukan pembaikan sewajarnya.